

Soalan No: 34

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASEK GELUGOR]****TARIKH : 30.10.2017****SOALAN :****Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) sejauh manakah langkah proaktif Kementerian untuk memantau situasi dan mengambil tindakan pencegahan jenayah di sekolah; dan
- (b) apakah rancangan kerjasama Kementerian dengan agensi-agensi dan Kementerian lain dengan pendekatan NBOS bagi memastikan tidak ada sekolah yang disenaraikan secara tidak adil dalam senarai 'hotspot' sekolah bermasalah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa proaktif dalam memantau sebarang pelibatan jenayah dalam kalangan murid. Mekanisme pencegahan dan pemantauan jenayah dilaksanakan oleh semua guru dan murid-murid pembimbing rakan sebaya, pengawas sekolah dan persatuan pencegahan jenayah di sekolah. Pihak sekolah juga akan menyalurkan maklumat berkenaan murid yang melakukan aktiviti berunsur jenayah di dalam dan luar sekolah melalui Pegawai Perhubungan Sekolah PDRM supaya langkah intervensi dapat

75

dijalankan dengan kadar yang segera. Selain daripada itu, ibu bapa murid yang terlibat akan dihubungi dan dilibatkan dalam sesi kaunseling yang dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling.

- (b) KPM bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) melalui Program Remaja Berwawasan. Murid-murid yang dikenal pasti bermasalah disiplin termasuk terlibat gejala dadah dipilih untuk mengikuti program ini bagi membentuk jati diri murid tersebut. Program ini dijalankan sepanjang tahun. Pada tahun 2017, sebanyak 140 buah sekolah yang melibatkan 20 orang murid bagi setiap sekolah telah terpilih mengikuti program ini.

KPM dan PDRM akan sentiasa bekerjasama dalam memastikan sekolah *hotspot* sentiasa dalam keadaan selamat dan sejahtera dari ancaman luar sekolah. PDRM akan memastikan sekolah yang berada di zon panas aktiviti jenayah sentiasa diberi keutamaan demi untuk memastikan keselamatan warga sekolah secara keseluruhannya.

## Soalan (35 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK  
[SEREMBAN]

**SOALAN :-**

**YB TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah peruntukan yang dipohon oleh Majlis Perbandaran Seremban (MPS) kepada pihak Kementerian untuk tujuan membina semula tingkat atas Pasar Besar Seremban yang terbakar pada 9 September 2017 dan berapakah jumlah yang telah disalurkan kepada MPS setakat ini**

77

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum menerima permohonan daripada Majlis Perbandaran Seremban (MPS) untuk membina semula tingkat atas Pasar Besar Seremban yang terbakar pada 9 September 2017. KPKT juga dimaklumkan oleh pihak MPS, buat masa ini mereka telah melantik perunding untuk menilai kerosakan yang berlaku akibat kebakaran tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017